

**24/07/2014 - Majlis Penyampaian Surat Pemangkuan/Kenaikan Pangkat
Perkhidmatan Pegawai Hal Ehwal Islam**

Bismillahirrahmaanirrahim

Assalamu'alaikumwarahmatullahiwabarakatuh & Salam 1Malaysia

YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi bin Zainal
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

YBhg. Tan Sri Dato' Setia Hj. Ambrin bin Buang
Ketua Audit Negara

YBhg. Datuk Othman bin Hj. Mahmood
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri

YBhg. Dato' Haji Othman bin Mustapha
Ketua Pengarah JAKIM

YBhg. Tan Sri Sheikh Ismail
Imam Besar Masjid Negara

YBhg. Dato' Sri/ Dato' Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang saya hormati sekalian

Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah SWT kerana di atas limpah kurnia dan izinNya jua, dapat kita bersama-sama berkumpul petang ini di dalam Majlis Penyampaian Surat Pemangkuan/Kenaikan Pangkat kepada 121 Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pegawai Hal Ehwal Islam bagi Tahun 2014; termasuk Ketua Pengarah JAKIM yang dinaikkan ke

Gred Turus III K.U.P., dan meletakkan JAKIM setaraf dengan Agensi-Agensi Pusat yang lain di Jabatan Perdana Menteri.

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada hadirin sekalian di atas kesudian untuk sama-sama hadir ke Majlis ini. Sesungguhnya Majlis ini merupakan satu bentuk pengiktirafan, dan penghargaan Kerajaan ke atas prestasi pegawai-pegawai Perkhidmatan Pegawai Hal Ehwal Islam, dan peranan dan sumbangan JAKIM dalam pembangunan ummah, dan kemajuan hal ehwal Islam di Malaysia.

TANGGUNG JAWAB PENYELIA

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Perkara paling penting di dalam memastikan jentera pentadbiran Kerajaan, dan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang efisien adalah kepimpinan sebagai seorang penyelia yang efektif dan berkesan. Dalam hubungan ini, tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang telah diluluskan pemangkuan dan kenaikan pangkat merupakan agen Kerajaan yang diamanahkan dengan penuh tanggungjawab untuk memastikan segala tugas diselia dengan sistematik dan penuh integriti. Tanggungjawab selaku penyelia yang berintegriti ini menuntut komitmen serta usaha yang jitu, dari tuan-tuan dan puan-puan, bagi memastikan agenda pembangunan ummah serta agenda transformasi negara dapat direalisasikan.

4. Teras perkhidmatan awam pada masa ini tertumpu kepada penyampaian perkhidmatan yang mempunyai nilai tambah (*value added*). Saya sering mengingatkan semua penjawat awam agar menghayati dan membudayakan konsep “Merakyatkan Perkhidmatan Awam” di mana sahaja kita bertugas, dan prihatin kepada keperluan rakyat, rajin untuk turun padang dan sentiasa terbuka kepada maklum balas.

5. Justeru, sebagai pemimpin yang bertanggungjawab menyelia, peranan utama kita adalah untuk menjadi peneraju kepada Agenda Transformasi Negara, iaitu melalui

perubahan cara berfikir dan cara bertindak sebagai sumber inspirasi kepada kemajuan, semangat dan budaya kerja pegawai-pegawai di bawah seliaan kita. Untuk itu, pemahaman dan penghayatan ke atas prinsip kepimpinan melalui tauladan atau *leading by example* hendaklah sentiasa berada dalam benak jiwa tuan-tuan and puan-puan, dan ini boleh dipelajari dan dihayati melalui kisah atau Sirah Nabi Muhammad SAW.

6. Sebagai pemimpin, kita mempunyai tanggungjawab untuk memupuk budaya jujur, telus dan berdedikasi dalam menjalankan tugas, demi menjaga nama baik perkhidmatan awam. Kita perlu menyemai sikap di mana semua penjawat awam mempunyai nilai harga diri yang tinggi, di mana pegawai berpegang pada ciri moral dan etika yang kukuh. Sekiranya ini berjaya dihayati, sudah tentulah semua penjawat awam akan melaksanakan tugas dan amanah dengan penuh berintegriti. Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah kepada JAKIM kerana menghantar 10 orang pegawainya menganggotai Pasukan Siasatan Khas Malaysia Mengenai Tragedi MH17 ke Kiev dan Amsterdam.

KERJASAMA DALAM PERKHIDMATAN AWAM

8. Suka juga saya menekankan di sini akan kepentingan untuk kita,seluruh perkhidmatan awam bertindak dan bergerak sebagai satu pasukan. “Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh”. Mungkin ada yang menganggap ini merupakan klise semata-mata, namun hakikatnya tanpa persefahaman yang utuh serta kerjasama yang teguh, mustahil bagi perkhidmatan awam melaksanakan transformasi secara total kearah peningkatan mutu penyampaian perkhidmatan secara berterusan. Kita boleh belajar melalui kejayaan pasukan Jerman yang menjuarai Piala Dunia baru-baru ini melalui semangat sebagai satu pasukan, dan bukan berdasarkan kehebatan individu. Kerjasama dan persefahaman ini akan dapat terjalin dengan adanya ejen perubahan (*change agent*) yang akan menjadi peneraju ke arah satu matlamat yang sama, dan di sini sekali lagi saya melihat tanggungjawab yang amat penting ini terletak di bahu tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

HARAPAN DAN EKSPEKTASI

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Percayalah, kebajikan penjawat awam merupakan satu keutamaan atau *priority* kepada saya selaku Ketua Setiausaha Negara. Sehubungan dengan itu, sekiranya produktiviti dan ekonomi negara meningkat dari semasa ke semasa yang datang hasil dari peningkatan produktiviti dan prestasi kerja kita, sebagai penjawat awam, kita secara tidak langsung akan menerima manfaat dan insentif-insentif baru dari Kerajaan, insyaAllah.

10. Sepertimana saya nyatakan di awal ucapan saya tadi, majlis ini adalah satu bentuk penghargaan dan pengiktirafan yang diberi oleh Kerajaan kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Pengiktirafan ini membuktikan bahawa kerajaan mempunyai kepercayaan serta keyakinan penuh terhadap keupayaan dan kewibawaan tuan-tuan dan puan-puan untuk memimpin perkhidmatan awam amnya, dan perkhidmatan hal ehwal Islam khususnya ke arah menjadi sebuah perkhidmatan yang lebih cemerlang.

11. Justeru, sekali lagi saya menyeru agar kita semua berusaha gigih bagi memenuhi ekspektasi stakeholder dan pelanggan. Marilah sama-sama kita lipat gandakan usaha kita dalam mendukung inisiatif-inisiatif transformasi yang diilhamkan oleh pucuk kepimpinan Negara. Selain itu, suka juga saya mengingatkan dan menekankan bahawa kita perlu sentiasa menjaga imej dan nama baik Perkhidmatan Awam kerana segala tindakan dan percakapan kita akan diteliti dan diperhatikan, dan sebarang *perceived weakness* akan dijadikan sasaran.

PENUTUP

12. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas segala komitmen serta kerjasama semua yang berada di dalam majlis pada petang ini ke arah

penambahbaikan berterusan mutu sistem penyampaian perkhidmatan awam. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua penerima surat pemangkuan/kenaikan pangkat pada hari ini, dan saya berharap agar pengiktirafan serta kepercayaan yang diberi dapat memberikan suntikan semangat agar tuan-tuan dan puan-puan terus berusaha dengan lebih gigih dan cemerlang lagi pada masa akan datang. Selamat menyambut bulan Syawal yang akan tiba. Selamat Hari Raya Aidilfitri, dan berhati-hati ketika memandu untuk pulang ke kampung halaman.

Sekian, Wabillahittaufik walhidayah Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.